

SIKAP KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN PELAJAR TEKNOLOGI
MEKANIKAL KOLEJ VOKASIONAL DI LEMBAH KLANG

MUHAMAD HAFIZ BIN ZAINOL ASHAARI

Laporan projek ini dikemukakan sebagai
memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUN HUSSEIN ONN AMINAH

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JUN 2018

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Penulis ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia tesis, Dr. Hasyamuddin Bin Othman di atas bimbingan, dorongan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang tempoh tesis ini dijalankan. Ribuan terima kasih juga kepada kedua panel iaitu PM Dr. Lai Chee Sern dan Dr. Hashima Binti Hamid atas kesudian memberi pandangan dan saranan bagi memurnikan penulisan kajian ini. Tidak dilupakan juga semua pensyarah UTHM yang pernah mendidik dan tidak pernah henti-henti memberi tunjuk ajar. Kerjasama daripada BPTV amatlah dihargai. Maklumat, masa dan kerjasama dari pihak BPTV yang diberikan adalah satu pengalaman yang tidak dapat di mana-mana.

Sekalung budi kasih yang tidak terhingga kepada isteri tercinta, Nurun Naemah Binti Habibollah di atas segala pengorbanan, dorongan, dan kesabaran sentiasa ada bersama mengiringi dan mengharungi segala cabaran sepanjang tempoh pengajian ini. Tidak lupa juga kepada anak tercinta, Muhammad Adam Luqman Bin Muhamad Hafiz yang amat sabar menanti untuk menamatkan pengajian ini sehingga ke pengakhiran. Semoga tesis ini menjadi pendorong dalam mencapai kejayaan. Kepada ibu bapa dan ahli keluarga yang tidak henti-henti berdoa dan memberi motivasi serta memahami kesibukan anak-anak memberi semangat dan inspirasi dalam menjalani kajian ini. Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan Kolej Vokasional Kuala Lipis dan Kolej Vokasional Sungai Buloh yang banyak memberi peluang serta motivasi dalam menjalani kajian dan menamatkan pengajian ini. Semoga Allah merahmati kalian semua.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia yang menaja sepanjang pengajian saya di peringkat sarjana. Peluang ini tidak mungkin disia-siakan bagitu sahaja. Penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung membantu menjayakan projek penyelidikan ini. Jasa kalian tidak mungkin dilupakan.

ABSTRAK

Masih ramai pelajar tahun akhir di Institut Pengajian Tinggi yang belum membuat persiapan untuk menceburi bidang keusahawanan walaupun bilangan graduan yang masih menganggur ramai di alam pekerjaan. Masalah pengangguran pada masa kini boleh diatasi dengan menjadikan bidang keusahawanan sebagai satu kerjaya pilihan yang memberikan peluang yang cerah bagi menjana pendapatan. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji sikap keusahawanan pelajar Teknologi Mekanikal kolej vokasional menceburi bidang keusahawanan. Sampel kajian terdiri daripada 274 orang pelajar semester 4 diploma di enam buah kolej vokasional iaitu KV Sungai Buloh, KV Klang, KV Shah Alam, KV Setapak, KV Sultan Abdul Samad Banting dan KV Kajang. Kajian ini adalah berbentuk penyelidikan tinjauan yang menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi iaitu peratus dan frekuensi, ujian Mann Whitney U dan ujian Kruskal Wallis dan Korelasi Spearman rho. Dapatan kajian bagi objektif pertama menunjukkan sikap suka membantu merupakan sikap keusahawanan yang paling mempengaruhi kecenderungan menceburi bidang keusahawanan. Dapatan kajian bagi objektif kedua mendapati tidak wujud perbezaan di antara jantina pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Bagi objektif kajian yang ketiga, dapatan kajian menunjukkan wujud perbezaan di antara program-program di bawah Jabatan Teknologi Mekanikal. Dapatan kajian bagi objektif keempat menunjukkan tidak wujud perbezaan di antara kolej-kolej vokasional di Lembah Klang. Bagi analisis korelasi iaitu objektif yang kelima dalam kajian ini terdapat hubungan yang kuat dan positif di antara sikap keusahawanan dengan kecenderungan menceburi bidang keusahawanan.

Kata kunci : Sikap, Keusahawanan, Kecenderungan Menceburi Bidang Keusahawanan

ABSTRACT

There are still many final year students at the Institute of Higher Education who have not been preparing to venture into entrepreneurship despite the number of graduates who are still unemployed in the workforce. Current unemployment problems can be overcome by making entrepreneurship as an optional career that gives a bright opportunity to generate income. This study was conducted to examine the entrepreneurial attitude of Mechanical Technology students of vocational colleges in entrepreneurship. The sample consists of 274 semester 4 diploma students in six vocational colleges namely KV Sungai Buloh, KV Klang, KV Shah Alam, KV Setapak, KV Sultan Abdul Samad Banting and KV Kajang. This research is a survey research using questionnaire as a research instrument. The data obtained were analyzed using descriptive statistics and inferential statistics, percentage and frequency, Mann Whitney U test, Kruskal Wallis test and Spearman rho's Correlation. The findings of the first objective show that a helpful attitude is the entrepreneurial attitude that most influences the tendency of entrepreneurship. The findings of the second objective found that there was no difference between the gender of male and female students. For the third objective of the study, the findings show that there are differences between programs under the Department of Mechanical Technology. The findings of the fourth objective show that there is no difference between the vocational colleges in the Klang Valley. For the correlation analysis, the fifth objective of this study was a strong and positive relationship between entrepreneurial attitudes and the tendency to venture into entrepreneurship.

Keywords: Attitude, Entrepreneurship, Trends in Entrepreneurship

KANDUNGAN

| | |
|--------------------------------|-------------|
| PENGESAHAN STATUS TESIS | i |
| JUDUL | ii |
| PERAKUAN | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK | v |
| KANDUNGAN | vii |
| SENARAI LAMPIRAN | x |
| SENARAI JADUAL | xi |
| SENARAI RAJAH | xiii |
| SENARAI SINGKATAN | xiv |
| BAB 1 PENDAHULUAN | 1 |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Masalah | 2 |
| 1.3 Pernyataan Masalah | 6 |
| 1.4 Matlamat Kajian | 7 |
| 1.5 Objektif Kajian | 7 |
| 1.6 Persoalan Kajian | 8 |
| 1.7 Hipotesis | 8 |
| 1.8 Skop Kajian | 9 |
| 1.9 Batasan Kajian | 10 |
| 1.10 Kepentingan Kajian | 10 |
| 1.11 Definisi Istilah | 12 |
| 1.11.1 Sikap | 12 |
| 1.11.2 Keusahawanan | 13 |
| 1.11.3 Kecenderungan | 13 |
| 1.11.4 Pelajar | 14 |
| 1.11.5 Teknologi Mekanikal | 14 |
| 1.11.6 Kolej Vokasional | 15 |



PTTA UTHM

PERPUSTAKAAN TUN TUN AMINAH

| | |
|---------------------------------------|-----------|
| 1.12 Kerangka Konseptual Kajian | 16 |
| 1.13 Rumusan | 17 |
| BAB 2 KAJIAN LITERATUR | 18 |
| 2.1 Pengenalan | 18 |
| 2.2 Pelajar Kolej Vokasional | 19 |
| 2.3 Pendidikan Keusahawanan | 20 |
| 2.4 Sikap Keusahawanan | 23 |
| 2.5 Perbezaan Jantina | 26 |
| 2.6 Kepentingan Keusahawanan | 27 |
| 2.7 Keusahawanan Di Kalangan Pelajar | 29 |
| 2.8 Teori Kajian | 30 |
| 2.9 Rumusan | 32 |
| BAB 3 METODOLOGI | 34 |
| 3.1 Pengenalan | 34 |
| 3.2 Rekabentuk Kajian | 34 |
| 3.3 Kerangka Operasi | 35 |
| 3.4 Lokasi Kajian | 37 |
| 3.5 Populasi dan sampel kajian | 37 |
| 3.6 Kaedah Pemilihan Sampel | 38 |
| 3.7 Instrumen Kajian | 38 |
| 3.7.1 Pembangunan borang soal selidik | 39 |
| 3.8 Kajian Rintis | 42 |
| 3.8.1 Ujian Kebolehpercayaan | 42 |
| 3.8.2 Penentuan Kesahan | 43 |
| 3.9 Kaedah Pengumpulan Data | 44 |
| 3.10 Kaedah Analisis Data | 45 |
| 3.11 Rumusan | 46 |
| BAB 4 ANALISIS DATA | 47 |
| 4.1 Pengenalan | 47 |
| 4.2 Ujian Kenormalan | 47 |
| 4.3 Analisis Deskriptif | 48 |



| | | |
|--|---|-----------|
| 4.3.1 | Maklumat Demografi | 49 |
| 4.3.2 | Sikap Keusahawanan | 54 |
| 4.3.3 | Perbezaan Sikap Keusahawan di antara Jantina | 62 |
| 4.3.4 | Perbezaan Sikap Keusahawanan di Antara Pogram-Program | 63 |
| 4.3.5 | Perbezaan Sikap Keusahawanan di Antara Kolej-Kolej Vokasional | 65 |
| 4.4 | Analisis Korelasi | 68 |
| 4.5 | Rumusan | 70 |
| BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN | | 71 |
| 5.1 | Pengenalan | 71 |
| 5.2 | Rumusan Kajian | 72 |
| 5.3 | Perbincangan Hasil Kajian | 73 |
| 5.3.1 | Demografi Responden | 74 |
| 5.3.2 | Objektif Kajian 1: Sikap Keusahawanan Pelajar Tahun Akhir Kolej Vokasional | 76 |
| 5.3.3 | Objektif Kajian 2: Mengenalpasti Perbezaan Sikap Keusahawanan Antara Pelajar Lelaki & Pelajar Perempuan | 77 |
| 5.3.4 | Objektif Kajian 3: Mengenalpasti Perbezaan Sikap Keusahawanan Di Antara Program-Program Di Bawah Bidang Teknologi Mekanikal | 78 |
| 5.3.5 | Objektif Kajian 4: Mengenalpasti Perbezaan Sikap Keusahawanan Antara KV Di Lembah Klang | 80 |
| 5.3.6 | Objektif Kajian 5: Hubungan Sikap Keusahawanan Dengan Kecenderungan Menceburi Bidang Keusahawanan | 81 |
| 5.4 | Kesimpulan | 82 |
| 5.5 | Cadangan Kajian | 82 |
| 5.6 | Cadangan Kajian Lanjutan | 85 |
| 5.7 | Penutup | 86 |
| Rujukan | | 87 |



SENARAI LAMPIRAN

| | | |
|---|-------------------------------------|-----|
| A | Surat Permohonan Menjalankan Kajian | 96 |
| B | Krejie dan Morgan | 97 |
| C | Soal Selidik Kajian | 98 |
| D | Penentuan Kesahan Pakar | 103 |



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

| | | |
|------|--|----|
| 3.1 | Pemarkahan Item Bahagian B Mengikut Skala Likert | 40 |
| 3.2 | Pemarkahan Item Bahagian C Mengikut Skala Likert | 40 |
| 3.3 | Jadual Taburan Jenis Soalan Mengikut Bahagian | 41 |
| 3.4 | Analisis Statistik Kebolehpercayaan | 43 |
| 3.5 | Senarai Pakar Untuk Semakan Soal Selidik | 44 |
| 3.6 | Kaedah Analisis Data | 45 |
| 4.1 | Analisis Ujian Kenormalan | 48 |
| 4.2 | Penentuan Tahap Kekerapan berbanding Julat min | 54 |
| 4.3 | Min Keseluruhan Bagi Sikap Keusahawanan | 54 |
| 4.4 | Min dan Sisihan Piawai Bagi Sikap Rajin | 55 |
| 4.5 | Frekuensi dan Peratusan Bagi Nilai Skor Min Tahap Sikap Rajin | 56 |
| 4.6 | Min dan Sisihan Piawai Bagi Sikap Suka Membantu | 56 |
| 4.7 | Frekuensi dan Peratusan Bagi Nilai Skor Min Tahap Sikap Suka Membantu | 57 |
| 4.8 | Min dan Sisihan Piawai Bagi Sikap Pengambilan Risiko | 57 |
| 4.9 | Frekuensi dan Peratusan Bagi Nilai Skor Min Tahap Sikap Pengambilan Risiko | 58 |
| 4.10 | Min dan Sisihan Piawai Bagi Sikap Keyakinan Diri | 59 |
| 4.11 | Frekuensi dan Peratusan Bagi Nilai Skor Min Tahap Sikap Keyakinan Diri | 60 |
| 4.12 | Min dan Sisihan Piawai Bagi Sikap Kreatif dan Inovatif | 60 |
| 4.13 | Frekuensi dan Peratusan Bagi Nilai Skor Min Tahap Sikap Kreatif dan Inovatif | 61 |
| 4.14 | Rumusan Kekerapan dan Peratusan Sikap Pelajar | 62 |
| 4.15 | Keputusan Ujian Statistik Mann Whitney U | 63 |
| 4.16 | Keputusan Ujian Statistik Kruskall Wallis Program Pelajar | 64 |

| | | |
|------|--|----|
| 4.17 | Keputusan Perbezaan Melalui Ujian Mann-Whitney U | 65 |
| 4.18 | Keputusan Ujian Statistik Kruskall Wallis Kolej Vokasional Pelajar | 65 |
| 4.19 | Keputusan Perbezaan Melalui Ujian Mann-Whitney U | 66 |
| 4.20 | Pekali dan Tafsiran Korelasi | 68 |
| 4.21 | Keputusan Ujian Spearman rho | 69 |
| 4.22 | Analisis Varian Bagi Sikap Keusahawanan Terhadap Kecenderungan Menceburi Bidang Keusahawanan | 70 |
| 4.23 | Rumusan Model Bagi Sikap Keusahawanan Terhadap Kecenderungan Menceburi Bidang Keusahawanan | 70 |
| 5.1 | Penawaran Program Di Kolej-Kolej Vokasional | 74 |



SENARAI RAJAH

| | | |
|-----|--|----|
| 1.1 | Kerangka Konseptual Kajian | 16 |
| 2.1 | Teori Tingkah Laku Terancang | 31 |
| 2.2 | Teori Peristiwa Keusahawanan Shapero dan Sokol | 32 |
| 3.1 | Kerangka Operasi Kajian | 35 |
| 4.1 | Bilangan Pelajar Kolej Vokasional | 49 |
| 4.2 | Daerah Tempat Tinggal Pelajar | 50 |
| 4.3 | Jantina Pelajar | 51 |
| 4.4 | Program Pengajian Pelajar | 52 |
| 4.5 | Tahun Pengajian Pelajar | 53 |



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN

| | |
|-------|---|
| BPTV | Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional |
| DEB | Dasar Ekonomi Baru |
| JPK | Jabatan Pembangunan Kemahiran |
| KPM | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| KPTM | Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia |
| KSKV | Kurikulum Standard Kolej Vokasional |
| KV | Kolej Vokasional |
| KVK | Kolej Vokasional Klang |
| KVKJ | Kolej Vokasional Kajang |
| KVS | Kolej Vokasional Setapak |
| KVSA | Kolej Vokasional Shah Alam |
| KVSAS | Kolej Vokasional Sultan Abdul Samad |
| KVSB | Kolej Vokasional Sungai Buloh |
| MPI | Teknologi Pemesinan Industri |
| MPP | Teknologi Penyaman dan Penyejukan Udara |
| MTA | Teknologi Automotif |
| MTK | Teknologi Kimpalan |
| NOSS | Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan |
| PT3 | Pentaksiran Tingkatan 3 |
| SPSS | Pakej Statistik Untuk Sains Sosial |
| SVM | Sijil Vokasional Malaysia |



PTAAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bidang keusahawanan adalah salah satu cabang kerjaya yang menjanjikan peluang pekerjaan dan keuntungan yang besar. Usahawan merupakan golongan yang mereka cipta dan membuat pembaharuan. Mereka berupaya untuk merealisasikan idea melalui proses tindakan dengan dibantu oleh modal, penumpuan masa dan juga kebolehan. Menurut Azimullah (1968) seseorang yang ingin menjadi usahawan berjaya perlu membuat persediaan yang cukup sebelum menceburi bidang keusahawanan. Ini bertujuan untuk memastikan kejayaan mereka apabila telah menceburi dalam bidang keusahawanan.

Kebanyakan orang menceburi bidang keusahawanan kerana mereka menganggap ia sebagai jalan pintas untuk menjadi kaya. Bagaimanapun ada juga yang menceburinya kerana ingin berdikari, sukakan cabaran dan tidak berpeluang memasuki pasaran kerja yang sedia ada. Menurut Carree dan Thurik (2010) terdapat hubungan positif antara keusahawanan dan pengangguran di mana keusahawanan mampu memberi pengaruh yang signifikan terhadap pengangguran sesebuah negara. Disamping itu, secara tidak langsung usahawan berperanan untuk menambahkan pendapatan, meninggikan taraf hidup bermasyarakat, membangunkan infrastruktur dan meningkatkan lagi kualiti kehidupan masyarakat sekaligus menjana kecemerlangan ekonomi sesebuah negara.



Kecemerlangan ekonomi sesebuah negara akan berkesinambungan sekiranya wujud tahap daya keusahawanan yang tinggi dalam kalangan para usahawan. Menurut Tunggak dan Salamon (2011), bagi memastikan hasrat ini tercapai sistem serta suasana yang menggalakkan kelahiran golongan usahawan (*entrepreneurs*) yang menepati ciri-ciri keusahawanan sebenar perlu diwujudkan. Dalam mencapai hasrat tersebut, sistem pendidikan formal dilihat dapat memberikan latihan keusahawanan yang lebih luas. Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPTM) mengambil langkah pertama dalam menjayakan hasrat tersebut menerusi pengenalan Modul Baharu Kursus Asas Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi yang akan diperkenalkan bermula sesi akademik 2017/2018 (Sukaimi, n.d 2017). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Kolej Vokasional (KV) juga memberi penekanan kepada aspek keusahawanan. Ini dibuktikan dengan bakal-bakal graduan KV dibekalkan dengan ilmu keusahawanan dengan mempelajari Modul Teras Umum. Modul ini dilaksanakan di peringkat Diploma iaitu pada semester 6 mengikut semester yang telah ditetapkan (Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, 2014).

1.2 Latar Belakang Masalah

Isu kadar pengangguran belia di Malaysia sering dibincangkan mutakhir ini. Menurut Yusof, Jamaluddin, & Mat Lazim (2013), masalah pengangguran ini semakin membimbangkan kerana berlakunya aspek penawaran yang tidak selaras dengan permintaan dari sektor pekerjaan. Hasil kajian yang dilakukan oleh Yusof, Jamaluddin & Mat Lazim (2013), berkenaan pelajar tahun akhir pendidikan teknikal dan vokasional dari Universiti Teknologi Malaysia juga mendapati bahawa hanya 47 peratus daripada keseluruhan responden kajian tersebut mempunyai perancangan dan strategi yang khusus dalam mencapai matlamat kerjaya jangka panjang. Ini menunjukkan hampir kepada separuh responden dalam kajian tersebut bahawa menyedari persaingan yang semakin meningkat dalam merebut peluang pekerjaan apabila tamat pengajian. Manakala 53 peratus responden dalam kajian tersebut tidak mempunyai perancangan

dan strategi yang khusus dalam mencapai matlamat kerjaya. Ini akan menyumbang kepada peningkatan kadar pengangguran negara secara langsung

Menurut Mohd Nor (2017), dalam mengulas Laporan Tahunan 2016 oleh Bank Negara Malaysia, isu pengangguran remaja dalam lingkungan umur 15 hingga 24 tahun bukan suatu isu yang baru bahkan ianya berlaku di seluruh dunia. Pengangguran di sesebuah negara asasnya bergantung kepada keadaan ekonomi sesebuah negara. Ekonomi sesebuah negara dirancakkan dengan peluang pekerjaan di dalam sektor kerajaan dan swasta. Menurut Mohd Nor (2017), 92 peratus pekerja bekerja di dalam sektor swasta. Bagi memastikan peluang pekerjaan sentiasa dapat memenuhi permintaan, satu strategi perlu direncanakan dengan menerapkan budaya keusahawanan dalam kalangan masyarakat amnya dan remaja khususnya.

Remaja dalam konteks kajian ini adalah pelajar KV yang mengikuti pengajian peringkat diploma pada tahun satu hingga tahun dua dan berumur di antara 18 hingga 20 tahun. Golongan umur ini tergolong dalam golongan yang dinyatakan di dalam *Global Entrepreneurship Monitor* (2016), bahawa hanya 4.9 peratus daripada mereka berusia 18 hingga 64 tahun merancang untuk menceburi bidang keusahawanan. Ini bermakna hasil analisis laporan itu dapat dirumuskan kecenderungan remaja yang bermula pada umur 18 tahun untuk menceburi bidang keusahawanan adalah pada tahap yang rendah. Hasil laporan ini menyebabkan pengkaji melakukan tinjauan awal di beberapa KV di sekitar Lembah Klang. Tinjauan awal yang dilakukan terhadap pelajar-pelajar Diploma Jabatan Teknologi Mekanikal di Kolej Vokasional Sultan Abdul Samad Banting (KVSAS), Kolej Vokasional Shah Alam (KVSA) dan Kolej Vokasional Sungai Buloh (KVSAB) mendapati kecenderungan menceburi bidang keusahawanan adalah ditahap yang rendah. Temubual ini telah dibuat dengan beberapa orang pelajar dan maklum balas seperti berikut:



“...saya lebih suka makan gaji sebab mak ayah saya pun kerja makan gaji. Saya pun tak berani sebab mereka pun tak galakkan saya jadi usahawan....”

(Pelajar KVSAS)

“Kalau diberi pilihan saya nak kerja makan gaji berbanding berniaga ni, tapi kalau dah takde kerja sangat barula saya fikir nak meniaga ke nak buat apa-apa yang patut...”

(Pelajar KVSAS)

“...Saya tak yakin saya boleh berniaga untuk tampung kehidupan saya selepas habis belajar. Macam susah sebab ekonomi sekarang tak menentu, jadi saya lebih pilih untuk bekerja makan gaji lagipun saya dah ada kemahiran selenggara penyaman udara jadi rugilah kalau tak guna ...”

(Pelajar KVSA)

“...Tengok situasi semasa sekarang ni, nak berniaga ni susah. Kalau betul-betul nak berjaya dalam berniaga ni kena kuat usaha dan rajin, macam kawan saya sampai ke malam pun tak balik rumah lagi sebab nak kejar pelanggan. Itu yang buat saya fikir dua kali nak jadi usahawan ni”

(Pelajar KVSB)

Hasil temubual ini menunjukkan bahawa empat pelajar KV yang terletak di sekitar Lembah Klang tidak berminat untuk menjadi usahawan. Sikap tidak berani, tiada galakan ibubapa, kurang berusaha dan kurang yakin terhadap bidang keusahawanan dilihat oleh pengkaji faktor pelajar lebih memilih untuk bekerja makan gaji berbanding menjadi usahawan. Penawaran Modul Teras Umum pada semester 6 yang melibatkan Kursus Keusahawanan di KV dilihat tidak dapat menggilap sikap pelajar agar cenderung menceburi bidang usahawan. Ini secara tidak langsung memberi tamparan negatif terhadap Transformasi Pendidikan Vokasional yang dilaksanakan oleh kerajaan bermula pada tahun 2013. Matlamat Transformasi Pendidikan Vokasional adalah melahirkan

tenaga kerja separuh mahir dan mahir dengan sasaran 70 peratus ke pasaran kerja, 20 peratus melanjutkan pelajaran dan 10 peratus menjadi usahawan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Matlamat transformasi yang meletakkan 10 peratus menjadi usahawan ini juga tidak dapat dicapai di KVSMB yang mana menurut Unit Kaunseling dan Kerjaya (2018), dapatan menunjukkan dari 244 orang pelajar yang bergraduan pada tahun 2017 hanya 2 orang iaitu 0.8 peratus sahaja yang menjadi usahawan, 217 orang iaitu 89 peratus bekerja, 6 orang iaitu 2.4 peratus menyambung pengajian dan 19 orang iaitu 7.8 peratus tidak bekerja. Dapatan pengesanan graduan KVSMB ini juga bertepatan dengan dapatan pengesanan graduan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (2017), taraf pekerjaan bagi peringkat pengajian diploma menunjukkan peratus yang menjadi usahawan atau bekerja sendiri pada tahap yang rendah iaitu pada 8.7 peratus. Dapatan dalam kajian ini berbeza dengan senario penglibatan wanita dalam bidang keusahawanan yang menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan.

Masa kini, penglibatan wanita dalam bidang keusahawanan bukan asing lagi di Malaysia. Ini dibantu dengan usaha berterusan daripada pihak kerajaan yang bekerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan dalam melaksanakan program peningkatan kemahiran wanita khususnya bidang keusahawanan agar mereka mampu berdikari dan menjadi usahawan yang berdaya saing pada masa hadapan (Roddin et al., 2010). Akan tetapi pada peringkat persekolahan terdapat kajian yang mendapati terdapat perbezaan sikap keusahawanan di antara pelajar lelaki dan perempuan. Kajian yang dilakukan oleh Boon & Bohari (2010), mendapati pelajar perempuan mempunyai persepsi yang lebih baik terhadap keusahawanan berbanding dengan pelajar lelaki. Persepsi ini memberi suasana positif terhadap perkembangan ekonomi negara. Kajian yang dilakukan oleh Lope Pihie, Bakar, & Konting (2002), turut menyatakan terdapat perbezaan yang signifikan di antara sikap pelajar perempuan dengan pelajar lelaki terhadap keusahawanan. Pada umumnya pelajar perempuan mempunyai sikap terhadap keusahawanan yang lebih tinggi. Berdasarkan dua dapatan ini jelas wujud perbezaan berkenaan sikap keusahawanan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan.



1.3 Pernyataan Masalah

Bidang keusahawanan banyak menyumbangkan faedah kepada individu, masyarakat dan negara. Maka tidak hairanlah kerajaan juga memberi sokongan penuh kepada usahawan dari setiap aspek untuk memastikan bidang ini terus maju dan berkembang. Mewujudkan masyarakat yang bercirikan keusahawanan menjadi agenda utama negara kita memandangkan usahawan mempunyai peranan dan boleh memberi sumbangan yang sangat besar terhadap pembangunan negara. Menurut Maliki (2016), bidang ini juga mampu mengurangkan kadar pengangguran yang tinggi pada ketika ini. Pendidikan awal mengenai keusahawanan dari peringkat kanak-kanak sehingga dewasa perlu diterapkan dalam diri masyarakat agar sikap keusahawanan yang dipraktikkan diperingkat kanak-kanak akan semakin menyerlah menjelang dewasa.

Membudayakan sikap keusahawanan di peringkat umur yang tinggi sebenarnya masalah yang menggusarkan ramai pengkaji. Kajian Fujisaki, Hirai, & Ohe (1999), memperkenalkan keusahawanan di peringkat tinggi adalah terlalu lewat. Akan tetapi sikap ini boleh dipupuk dengan pendidikan serta motivasi untuk menjadi usahawan. Situasi ini jelas berlaku di KV di mana pelajar hanya didedahkan dengan ilmu keusahawanan secara formal di peringkat diploma melalui Modul Teras Umum pada semester 6. Situasi yang pada pendapat pengkaji agak membimbangkan ini memerlukan satu kajian yang teliti kerana bidang keusahawanan ini memainkan peranan yang besar dari segi perkembangan ekonomi dan penawaran peluang pekerjaan yang baru.

Melihat kepada kurangnya penyelidikan yang dijalankan ke atas sikap keusahawanan di KV, maka pengkaji berpendapat adalah wajar untuk kajian ini dijalankan. Kajian ini telah mengkaji sikap keusahawanan yang mempengaruhi kecenderungan menceburi bidang keusahawanan di KV. Justeru itu, kajian ini penting untuk menentukan sejauh mana sikap pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan apabila tamat belajar di KV.



1.4 Matlamat Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sikap keusahawanan dalam kalangan pelajar tahun akhir Teknologi Mekanikal KV di Lembah Klang. Seseorang pelajar yang ingin menjadi usahawan berjaya perlu membuat persediaan yang cukup sebelum menceburi bidang keusahawanan. Ini bertujuan untuk memastikan kejayaan mereka di dalam bidang perniagaan.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab beberapa persoalan iaitu:

1. Mengenalpasti faktor sikap yang mempengaruhi kecenderungan pelajar tahun akhir Kolej Vokasional untuk menceburi bidang keusahawanan keusahawanan
2. Mengenalpasti perbezaan sikap keusahawanan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan
3. Mengenalpasti perbezaan sikap keusahawanan di antara program-program di bawah bidang Teknologi Mekanikal
4. Mengenalpasti perbezaan sikap keusahawanan di antara Kolej Vokasional di Lembah Klang
5. Mengenalpasti hubungan di antara faktor sikap dan kecenderungan pelajar tahun akhir Kolej Vokasional untuk menceburi bidang keusahawanan



1.6 Persoalan Kajian

Beberapa persoalan kajian telah dibentuk untuk mendapatkan jawapan terhadap permasalahan kajian iaitu:

1. Apakah faktor sikap yang mempengaruhi kecenderungan pelajar tahun akhir Kolej Vokasional menceburi bidang keusahawanan?
2. Apakah terdapat perbezaan yang signifikan sikap keusahawanan diantara pelajar lelaki dan pelajar perempuan?
3. Apakah terdapat perbezaan sikap keusahawanan diantara program-program di bawah bidang Teknologi Mekanikal?
4. Apakah terdapat perbezaan sikap keusahawanan diantara Kolej Vokasional di Lembah Klang?
5. Apakah hubungan di antara faktor sikap dan kecenderungan pelajar tahun akhir Kolej Vokasional untuk menceburi bidang keusahawanan?

1.7 Hipotesis

Hipotesis kajian yang diwujudkan adalah bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang dicadangkan oleh penyelidik. Hipotesis tersebut adalah:

- Hipotesis H_0 : Tidak wujud perbezaan yang signifikan sikap keusahawanan di antara objektif ke pelajar lelaki dan pelajar perempuan
 dua (2) H_1 : Wujud perbezaan yang signifikan sikap keusahawanan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan

Hipotesis Ho : Tidak wujud perbezaan yang signifikan sikap keusahawanan di antara objektif ke program-program di bawah bidang Teknologi Mekanikal
tiga (3) H₁ : Wujud perbezaan yang signifikan sikap keusahawanan di antara program-program di bawah bidang Teknologi Mekanikal

Hipotesis Ho : Tidak wujud perbezaan yang signifikan sikap keusahawanan diantara objektif ke Kolej Vokasional di Lembah Klang
empat (4) H₁ : Wujud perbezaan yang signifikan sikap keusahawanan di antara Kolej Vokasional di Lembah Klang

Hipotesis Ho : Tidak wujud hubungan yang signifikan di antara faktor sikap dan objektif ke kecenderungan pelajar tahun akhir Kolej Vokasional untuk menceburi lima (5) bidang keusahawanan
H₁ : Wujud hubungan yang signifikan di antara faktor sikap dan kecenderungan pelajar tahun akhir Kolej Vokasional untuk menceburi bidang keusahawanan

1.8 Skop Kajian

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti sikap keusahawanan pelajar KV dalam melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada satu faktor sahaja iaitu sikap. Sikap yang dikaji dalam kajian ini ialah rajin, suka membantu, pengambilan risiko, keyakinan diri serta kreatif dan inovatif. Faktor sikap dalam kajian ini bukanlah mewakili keseluruhan faktor keusahawanan pelajar KV. Selain itu pengkaji juga mengukur sejauh mana sikap keusahawanan dapat mempengaruhi kecenderungan pelajar KV menceburi bidang keusahawanan. Kajian yang dijalankan ini tertumpu kepada pelajar tahun akhir Teknologi Mekanikal yang terdiri daripada pelbagai program di kawasan Lembah Klang

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini adalah terbatas kepada pelajar-pelajar Teknologi Mekanikal semester akhir bagi melihat sejauh mana sikap mereka menceburi bidang keusahawanan. Oleh kerana terdapat faktor tertentu yang menghalang, maka kajian ini hanya dijalankan ke atas pelajar di KV di Lembah Klang sahaja. Selain itu, kajian ini terbatas dari segi masa kerana ia perlu dijalankan dalam tempoh yang terhad mengikut kalendar akademik. Kegagalan untuk mengedarkan borang soal selidik dalam masa yang ditetapkan menyebabkan kelewatan dalam mendapatkan data yang diperlukan.

1.10 Kepentingan Kajian

- a. Kementerian Pendidikan Malaysia (Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional)

Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) boleh menjadikan dapatan kajian ini sebagai kayu pengukur terhadap keberkesanan kursus keusahawanan pada modul teras umum KV yang dijalankan pada semester 2 Diploma. Dapatan kajian ini juga sebagai salah satu input maklumat dalam pembentukan serta pemurnian polisi dan kurikulum bagi menggalakkan sikap keusahawanan lulusan KV melibatkan diri dalam bidang keusahawanan seiring dengan sasaran sepuluh peratus lulusan KV menjadikan usahawan sebagai kerjaya.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

b. Pihak Pentadbir KV

Hasil kajian ini boleh dimanfaatkan oleh pihak pentadbiran kolej dalam merencanakan program-program yang bersifat keusahawanan. Program yang dijalankan seharusnya mampu mendidik dan menggilap sikap keusahawanan di kalangan para pelajar KV. Hasil dapatan kajian ini mampu memberikan input tambahan bahawa dengan menganjurkan kursus, karnival, kelab dan ceramah berkaitan keusahawanan pada peringkat awal kemasukan pelajar ke program diploma mampu melahirkan lebih ramai pelajar yang cenderung menjadi usahawan. Usaha mengadakan lawatan penanda aras dan memorandum persefahaman dengan institut-institut yang berjaya menghasilkan usahawan dilihat dapat meningkatkan nilai tambah pada graduan-graduan KV.

c. Pensyarah

Pendidik atau pengajar memainkan peranan yang amat penting dalam pembentukan generasi yang akan mengambil alih daripada generasi semasa (Siheh & Sarimin, 2002). Oleh itu hasil kajian ini boleh membantu pensyarah dalam memberi dorongan dan galakan kepada pelajar mengenai kebaikan bidang keusahawanan. Dapatan dalam kajian ini juga membantu pensyarah untuk membentuk dan menjelaskan serta kesediaan pelajar dalam bidang keusahawanan dalam usaha untuk menghasilkan pelajar yang berpotensi mempunyai sikap keusahawanan dan mengamalkan sikap keusahawanan yang baik. Ini secara langsung dapat membantu para pelajar membina keyakinan diri untuk menjadikan usahawan sebagai kerjaya pilihan.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNJIKU AMINAH

d. Pelajar

Hasil kajian ini boleh menjadi perangsang kepada pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan seterusnya membantu menyediakan peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf ekonomi negara secara tidak langsung. Kekompetenan pelajar di dalam bidang keusahawanan, ia dilihat sebagai medium pengembangan ekonomi melalui sumbangan dalam bentuk penerokaan, nukilan idea dan mencari peluang atau mencipta sesuatu untuk memberi manfaat kepada manusia amnya (Abdullah, 2012). Dalam kajian ini, adalah penting melengkapkan diri dengan sikap, latihan awal dan maklumat berkenaan keusahawanan sebagai persediaan pelajar yang bakal menempuh alam pekerjaan. Melalui kompetensi keusahawanan, seseorang akan lebih mampu dan lebih cekap berbanding dengan orang lain yang mempunyai pengetahuan dan kelulusan yang sama (Abd Rahman, Muhammad Sabri, & Nadzri, 2015)

1.11 Definisi Istilah

Istilah penting yang akan digunakan dalam kajian ini ialah sikap keusahawanan, pelajar Teknologi Mekanikal, Kolej Vokasional dan Lembah Klang.

1.11.1 Sikap

Sikap merupakan pemboleh ubah yang memberi kesan utama terhadap pembentukan sesuatu tekad, iaitu sikap akan memandu seseorang itu untuk berkelakuan yang sepatutnya (Callahan, 2004). Menurut Pihie Lope dan Hassan (2010), sikap pelajar terhadap keusahawanan amat penting untuk meramal usahawan berpotensi pada masa hadapan. Di dalam kajian ini, sikap keusahawanan adalah tingkah laku pelajar berkaitan keusahawanan yang diamalkan sepanjang mereka berada di KV. Oleh itu dalam kajian ini, sikap yang dikaji adalah rajin, suka membantu, pengambilan risiko, keyakinan diri,

Rujukan

- A. Badaruddin, M. (B)Mohammad Q. (2014). *Sampai Bila Makan Gaji?* Casamas Resources Sdn. Bhd.
- Abd Rahman, S. S., Muhammad Sabri, M. F., & Nadzri, S. (2015). Kompetensi Keusahawanan Diri Dalam Keusahawanan Di Universiti. *Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah 2015 (2ndICoMM), 2015(November), 372–384.* Retrieved from http://www.kuis.edu.my/icomm/2nd/download/IC_034.pdf
- Abd Razak, F. D., & Ali, H. (2009). Analisis Faktor Mempengaruhi Ketakseimbangan Ekonomi Wilayah Di Malaysia. *Prosiding Perkem Iv, 1(2009), 118–141.*
- Abdul, M., Kamarulzaman, I., Mohamed, Z. A., & Mahajar, A. J. (2008). *Pembudayaan Keusahawanan* (Cetakan Pe). Selangor: Prentice Hall.
- Abdul Manaf, A., Omar, N. H., & Azmi, N. H. (2012). Potensi Keusahawanan Dan Ciri-Ciri Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Proceedings of the 2nd. International Conference on Arts, Social Sciences & Technology Penang. Malaysia, 3rd.-5th March 2012, (12191), 1–8.*
- Abdullah, F. (2014). Tahap Kecekapan Pensyarah Teknologi Automotif Dalam Melaksanakan Kurikulum Standard Kolej Vokasional Di Negeri Pahang. <https://doi.org/10.1007/s13398-014-0173-7.2>
- Abdullah, S. (2012). Aplikasi Nilai-Nilai Murni Dalam Kalangan Usahawan Ke Arah Pembangunan Usahawan Muslim Yang Holistik. *Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan, 1–34.*
- Abu Bakar, T., Md Ali, A., Omar, R., Md Som, H., & Muktar, S. N. (2007). Penglibatan Kaum Wanita Dalam Aktiviti Keusahawanan Di Negeri Johor : Kajian Terhadap Faktor-Faktor Kritikal Kejayaan (Women ' S Involvement in Enterpreneurship in Johor : a Study About Critical Factors in Achievement and Failure in Handling Business) P. *Tesis, 183.*
- Adnan, N. H. (2010). Ciri dan Gaya Pemikiran Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar

Pusat Kokurikulum Keusahawanan UTM, 16.

Affendi, F. binti. (2014). Tahap Kepuasan Kerja Dan Komitmen Organisasi Dalam Kalangan Guru Kolej Vokasional : Pendekatan Structural Equation Model. *Journal of Chemical Information and Modeling*, 53(9), 1689–1699. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>

Ajzen, I. (1991). The Theory of Planned Behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50, 179–211. [https://doi.org/10.1016/0749-5978\(91\)90020-T](https://doi.org/10.1016/0749-5978(91)90020-T)

Ajzen, I., & Fishbein, M. (1980). *Understanding Attitudes And Predicting Social Behavior*. Prentice-Hall.

Azimullah, A. A. (1968). *Rahsia Kejayaan Kerjaya*. (E. D. Institute, Ed.). Kuala Lumpur: Pressco Enterprise.

Baba, I. (2009). Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Dan Kaitannya Terhadap Prestasi Akademik Pelajar Uthm. *Geran Jangka Pendek*.

Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional. (2017). *Institusi dan Kursus*. Putrajaya.

Bakar, N. S., Samat, M. S., Awaludin, N. S., Jaafar, S., Nadzri, S., Universiti, K., ... Universiti, K. (2016). Kajian Faktor Penglibatan Belia Dalam Bidang Keusahawanan, 2016(November), 172–181.

Boon, Y., & Bohari, S. (2010). Entrepreneurship Readiness Among Form Four Students in Three School Around Skudai, Johor. *Unpublished Thesis*, 1–13. Retrieved from <http://eprints.utm.my/10747/>

Buang, N. A. (2002). *Asas Keusahawanan*. Fajar Bakti.

Callahan, L. (2004). Correctional Officer Attitude Toward Inmates With Mental Disorder. *International Journal of Forensic Mental Health* 3, 37–54.

Carree, M. A., & Thurik, A. R. (2010). *Handbook of Entrepreneurship Research*. <https://doi.org/10.1007/978-1-4419-1191-9>

Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. (Jessica Chan, Ed.) (First Edit). Malaysia: McGraw-Hill Malaysia Sdn Bhd.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. (2010). *Asas Ekonomi dan Penduduk*. Retrieved



December 7, 2017, from http://www.dbkl.gov.my/pskl2020/malay/asas_ekonomi/index.htm

Editors, B. co. (2017). Colonel Harland Sanders Biography.com. Retrieved November 29, 2017, from <https://www.biography.com/people/colonel-harland-sanders-12353545>

Ekonomi, U. P. (1991). Wawasan 2020. Retrieved December 6, 2017, from <http://www.epu.gov.my/ms/dasar-utama/wawasan-2020>

Fujisaki, M., Hirai, Y., & Ohe, T. (1999). Relationship Between The Entrepreneurial Aspiration Of Japanese College Students And Timing Of Their First Encounter With Entrepreneurial Concept. Retrieved from <https://fusionmx.babson.edu/entrep/fer/II/IID/IID.htm>

Global Entrepreneurship Monitor. (2016). *Global Entrepreneurship Monitor*. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>

Hashim, N., Othman, N., & Buang, N. (2009). Konsep Kesiapan Keusahawanan Berdasarkan Kajian Kes Usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia Small Medium Industry (SMI) Entrepreneurs in Malaysia). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 187–203.

Hashim, S., & Abdul Rahman, N. M. (2014). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Kerohanian Kanak-Kanak*. (N. H. Samsudin, Ed.) (Cetakan Pe). Batu Caves: PTS Media Group Sdn Bhd.

Hashim, S., & Sidi, F. (2008). Persepsi Pelajar Semester Akhir 4 SPH Terhadap Penerapan Kemahiran Keusahawanan, 2007.

Ibrahim@Ahyat, M. Z., Ab Rahman, M. N., & Mohamad Yasin, R. (2017). Ketidaksepadanan Kemahiran dan Kolaborasi Industri – Institusi PLTV di Malaysia : Satu Cadangan Penyelesaian. *SkillsMalaysia Journal*, 3(1), 17–22.

Ibrahim, M. A., Asaad, B., Ahmad, M., & Satria, S. (2007). *Usahawan Berjaya*. (Emily Suhana, Ed.) (First Edit). Shah Alam, Selangor.

Idris, N. (2013a). *Penyelidikan dalam Pendidikan* (Edisi Kedu). Shah Alam, Selangor:

McGraw-Hill Malaysia Sdn Bhd.

Idris, N. (2013b). *Penyelidikan Dalam Pendidikan* (Edisi kedua). McGraw-Hill Malaysia Sdn Bhd.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2009). Siaran Khas Penyiasatan Tenaga Buruh. Siri 4 Bil 1/2009. Retrieved November 7, 2017, from [http://www.statistics.gov.my/portal/download_labour/files/BPTMS/SIARAN_KHAS_\(USAHAWAN_DI_MALAYSIA\).pdf](http://www.statistics.gov.my/portal/download_labour/files/BPTMS/SIARAN_KHAS_(USAHAWAN_DI_MALAYSIA).pdf)

Jabatan Perdana Menteri. (2014). *Pemeriksaan ekonomi bumiputera*. Putrajaya.

Jabatan Perdana Menteri. (2015). *Laporan Tahunan ETP 2014. Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri*. <https://doi.org/ISSN:2232-1403>

Kandar, A. L. (2014). *Kemahiran Employability Dalam Kalangan Pelajar Kolej Vokasional Kluang Johor*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Kasa, Z., & Bakar, A. B. R. (2004). Aspirasi Pekerjaan Pelajar Kejuruteraan Sekolah Menengah Teknik, *12*(1), 53–59.

Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. (2017). Trend Taraf Pekerjaan Bagi Peringkat Pengajian Diploma (Warganegara), 2006-2016. Retrieved June 1, 2018, from <http://graduan.mohe.gov.my/skpg-report/Dashboard/TrendTarafPekerjaan.aspx>

Khalil, K. (1996). *Keusahawanan Sebagai Kerjaya* (First Edit). Ampang: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kisah Usahawan. (2014). Retrieved from <http://ceritausahawan.blogspot.my/>

Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities Robert. *Educational and Psychological Measurement*, *38*(1), 607–610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>

Krueger, N., & Carsrud, A. L. (1993). Entrepreneurial intentions : Applying the theory of planned behaviour Entrepreneurial intentions : Applying the theory of planned behaviour, (May 2014). <https://doi.org/10.1080/08985629300000020>

Kuberan, R. (2013). *Pengajian Am 900/2*. Ilmu Bakti.



PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

Lanning, M. (2017). *Global Entrepreneurship Monitor Women's Entrepreneurship 2016 / 2017 Report*.

Laporan Pemantauan Keusahawanan Global. (2014).

Lope Pihie, Z. A., Bakar, A. R., & Konting, M. M. (2002). Pelaksanaan Pendidikan Keusahawanan di Malaysia : Kesan Terhadap Aspirasi Keusahawanan Pelajar. *Pertanika Journal Sosial Sciences & Humanities*, 10(1), 53–61. Retrieved from http://psasir.upm.edu.my/3357/1/Pelaksanaan_Pendidikan_Keusahawanan_di_Malaysia.pdf

Maheran, M. S. (2017). *Persepsi Ibu Bapa Terhadap Pendidikan Teknik dan Vokasional (TVET) Di Kolej Vokasional*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Malaysia, K. (2010). *Merapatkan jurang ketaksamaan*.

Malaysia, K. P. (2017). Graduan kolej vokasional boleh mohon IPT. Retrieved November 28, 2017, from <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/graduan-kolej-vokasional-boleh-mohon-ipt-kpm-128143>

Maliki, S. A. (2016). Keusahawanan Atasi Pengangguran. *Berita Harian*.

Mehmeti, I., Dobranja, D., Hashani, A., & Beqiri, G. (2017). Women's Entrepreneurship An Analysis On Doing Business In Kosovo, 1–42.

Miaat, E. A. (2014). *Faktor mendorong Kecenderungan Pelajar Kolej Vokasional ke arah Bidang Keusahawanan*. *Katalog BPS*. <https://doi.org/10.1007/s13398-014-0173-7.2>

Mohd Ali, H. (2007). *Smart Learning: Teknik Belajar Berkesan dan Efektif* (Cetakan Ke). Kuala Lumpur: PTS Millennia.

Mohd Amin, N. F., & Ispawi, D. I. (2007). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Bidang Keusahawanan Sebagai Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Pendidikan Teknikal dan Vokasional. *Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*.

Mohd Nor, K. (2017, April 4). Melahirkan belia usahawan atasi pengangguran. *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/node/267750>



PTT A U T H M
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

- Mohd Osman, M. H. (2007). Faktor-faktor yang telah mendorong graduan dan alumni Universiti Teknologi Malaysia menceburi bidang keusahawanan, 1–145.
- Mohd Rosli, F. (2013). *Pembudayaan Keusahawanan Ke Arah Mempengaruhi Kecenderungan Menceburi Bidang Keusahawanan Dalam Kalangan Bakal Graduan Di UTHM*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Nagarathanam, R. (2015). Hubungan Sikap , Pemikiran dan Tingkah Laku Terhadap Keinginan Dalam Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Dalam Kalangan Prasiswazah India Di Institut Pengajian Tinggi Sekitar Bangi . *ResearchGate*, (December), 1–139. <https://doi.org/10.13140/RG.2.1.4003.6563>
- Norita Deraman [et al.]. (2007). *Keusahawanan*. Selangor: Mc Graw Hill Education.
- Othman, N., & Md.Omar, H. (2014). Beban Tugas dan Motivasi Pengajaran Guru di Sekolah Menengah Daerah Ranau. *Jurnal Pemikir Pendidikan (Journal for Educational Thinkers)*, 5, 33–57. <https://doi.org/ISSN 1985-3637>
- Othman, N., & Panniappan, S. (2012). Profil Keusahawanan Peniaga India di Malaysia. *Akademika*, 82(1), 103–111.
- Othman, N., Poo, B. T., & Ismail, R. (2012). Impak Globalisasi Dan Tingkah Laku Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Prosiding Perkem Vii, 1*, 435–445.
- Pihie Lope, Z. A., & Hassan, H. (2010). *Memperkasa Tekad Keusahawanan Pelajar* (Cetakan Pe). Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Pride, W. M., Hughes, R. J., & Kapoor, J. R. (2013). *Business* (12th ed.). Cengage Learning.
- Rahimi, F., & Buang, N. A. (2017). Perbandingan Tahap Sikap Keusahawanan, Sumber Dorongan, dan Efikasi Kendiri dengan Tahap Aspirasi Keusahawanan Mahasiswa Jurusan Ekonomi, UKM, UPM dan USIM. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1(1), 29–38.
- Robert D, Hisrich & Peter, M. (1997). *Entrepreneurship*. Richard D Irwin.
- Robinson, P. B., Stimpson, D. V, Huefner, J. C., & Hunt, H. K. (1991). An Attitude



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

Approach to the Prediction of Entrepreneurship An Attitude Approach to the Prediction of Entrepreneurship, (September 2015).

Roddin, R., Muktar, M. I., Esa, A., Warman, S., Mohamed, M., Yusof, A. M., & Ab Rahman, A. (2010). Pendidikan Kemahiran Keusahawanan Dalam Kalangan Wanita Ketua Isi Rumah Luar Bandar. *Jurnal Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*, 1–12.

Sanusi, A. (2014). *Usahawan Generasi Muda* (First edit). Kuala Lumpur: Edumark Distributors.

Sekaran, U. (2003). *Research Methods for Business: A Skill-building Approach* (Edisi ke E). Wiley Online Library.

Shaari, A. S., Yusof, A. A., Khan, M. K. J., Mei, T. S., & Teong, L. K. (2008). Keadilan penilaian prestasi dalam kalangan guru dan hubungannya dengan motivasi kerja dan prestasi akademik sekolah. *International ...*, 15, 159–176. Retrieved from <http://scholar.google.com/scholar?hl=en&btnG=Search&q=intitle:Keadilan+penilaian+prestasi+dalam+kalangan+guru+dan+hubungannya+dengan+motivasi+kerja+dan+prestasi+akademik+sekolah#0>

Shapero, A., & Sokol, L. (1982). The Social Dimensions of Entrepreneurship. *Encyclopedia of Entrepreneurship*, 72–90.

Siheh, A. J., & Sarimin, S. A. (2002). Keutamaan Ciri-Ciri Pengajaran Pensyarah Yang Baik Daripada Persepsi Pelajar Di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Souitaris, V., Zerbinati, S., & Al-Laham, A. (2007). Do entrepreneurship programmes raise entrepreneurial intention of science and engineering students? The effect of learning, inspiration and resources. *Journal of Business Venturing*, 22(4), 566–591.

Stapa, Z., Ismail, A. M., & Yusuf, N. (2012). Faktor Persekitaran Sosial Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 155–172. Retrieved from http://journalarticle.ukm.my/6104/1/JD005862_155-172.pdf

Sukaimi, S. A. (n.d.). No Title. *Harian Metro*. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/setempat/2017/07/247685/asas-usahawan-ipt>

- Sulaiman, S. (2008a). *Anak Adalah Anugerah* (Terbitan P). Kuala Lumpur: Utusan Publication And Distributors Sdn Bhd.
- Sulaiman, S. (2008b). *Usahawan Cemerlang* (First Edit). Klang, Selangor: Utusan Publication And Distributors Sdn Bhd.
- Tajudin, A., & Tajuid, M. F. (2016). *Kamus Pelajar Bahasa Melayu* (Edisi Kedu). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thamby Chik, A. R. (2017). Sikap negatif punca peniaga jatuh. Retrieved December 6, 2017, from <http://www.sinarharian.com.my/edisi/terengganu/sikap-negatif-punca-peniaga-jatuh-1.735898>
- Tinggi, K. P. (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2025*.
- Tkachev, A., & Kolvereid, L. (1999). Self-employment intentions among russian students. *Entrepreneurship and Regional Development*, 11(3), 269–280. <https://doi.org/10.1080/089856299283209>
- Tunggak, B., & Salamon, H. (2011). *Budaya Usahawan Berjaya*. (H. Ma'alip, Ed.) (First Edit). Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Tunggak, B., & Salamon, H. (2014). Perubahan Sikap Keusahawanan Usahawan Melayu Di Malaysia (Changing Entrepreneurship Attitudes Malay Entrepreneuers In Malaysia). *Journal of Social Sciences and Humanities*, 9(1), 98–116.
- Ujang, Z. (2015). Mahasiswa Digalakkan Ceburi Bidang Keusahawanan. Retrieved from <http://www.ukm.my/pusatkesihatan/news/mahasiswa-digalakkan-ceburi-bidang-keusahawanan/>
- Unit Kaunseling dan Kerjaya. (2018). *Kajian Pengesanan Graduan*. Sungai Buloh, Selangor.
- Universiti Malaysia Sabah. (n.d.). No Title. Retrieved November 23, 2017, from <http://www.ums.edu.my/fkj/ms/program/pra-siswazah/kejuruteraan-mekanikal>
- Utusan Malaysia. (2011). Kurikulum vokasional ikut spesifikasi luar negara. Retrieved December 2, 2017, from http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0910&pub=Utusan_Malay



sia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_03.htm

Vokasional, B. P. T. dan. (2014). *Pelaksanaan Employability Skills* (2014th ed., pp. 1–9). Putrajaya.

Wan Omar, W. L. O., & Mohamed, S. (2002). *Memperkasakan Usahawan* (Terbitan P). Seri Kembangan, Selangor: Utusan Publication And Distributors Sdn Bhd.

Yahya, Z. (1995). *Memilih Perniagaan* (First Edit). Kota Bharu, Kelantan: Al-Kafilah Enterprise.

Yusof, A. A. (2010). *Menjadi Usahawan Berjaya* (Edisi Pert). Kuala Lumpur: Scholarmind Publishing.

Yusof, N., Jamaluddin, Z., & Mat Lazim, N. (2013). Persepsi Pelajar Prasiswazah Terhadap Kebolehpasaran Graduan dan Persaingan dalam Pasaran Pekerjaan. *Jurnal Personalia Pelajar*, 16, 77–92.

Zainal, A. (2016). *Model Kelestarian Program TVET Berasaskan Kompetensi Pensyarah dan Amalan Lestari Kolej Vokasional*. Universiti Yun Hussein Onn Malaysia.

Zulkefli, D., & Hassan, A. (2007). Isu dan Strategi Ke Arah Pembangunan Modal Insan Sektor Pengajian Tinggi Bertaraf Dunia. *Jurnal Pengurusan Awam*, 23–44.



PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH